



KERAJAAN MALAYSIA

Perolehan Kenderaan

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

KANDUNGAN

PENGECUALIAN DARIPADA TATACARA PEROLEHAN KERAJAAN	2
PK 7.3 Perolehan Kenderaan	2
1. Kategori Kenderaan & Kaedah Perolehan	2
2. Larangan Perolehan Kenderaan Import.....	3
3. Syarat-Syarat Pembelian Kenderaan.....	3
4. Jawatankuasa Penilaian.....	4
5. Pihak Berkuasa Melulus.....	4
6. Perolehan Kenderaan Oleh Kedutaan/Perwakilan Malaysia Di Luar Negara	5
7. Tanggungjawab Agensi.....	5
8. Pengecualian Khusus.....	5

PENGECUALIAN DARIPADA TATACARA PEROLEHAN KERAJAAN

PK 7.3 Perolehan Kenderaan

1. Kategori Kenderaan & Kaedah Perolehan

1.1. Kenderaan yang dinyatakan dalam peraturan ini terbahagi kepada tiga (3) kategori seperti berikut:

1.1.1. Kenderaan umum

Kenderaan umum bagi maksud kegunaan agensi dan terdiri daripada lima (5) jenis seperti berikut:

- (a) Kenderaan jenis motosikal;
- (b) Kenderaan jenis kereta *saloon*;
- (c) Kenderaan jenis pacuan empat roda (4WD) /SUV;
- (d) Kenderaan jenis utiliti iaitu MPV, van, *pick-up* dan lori/trak; dan
- (e) Bas/*coaster* tidak melebihi 25 penumpang.

1.1.2. Kereta Rasmi Jawatan dan kereta Jabatan di bawah penswastaaan kereta *saloon* Kerajaan

1.1.3. Kenderaan untuk tujuan operasi pertahanan dan keselamatan serta *Special Purpose Vehicle*

1.2. Agensi adalah dibenarkan untuk menguruskan perolehan kenderaan secara rundingan terus bagi kategori kenderaan umum seperti di **perenggan 1.1.1.** di atas tanpa sebarang had nilai bagi setiap jenis kenderaan tersebut tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan.

1.3. Semua jenis kenderaan untuk tujuan operasi pertahanan dan keselamatan serta *Special Purpose Vehicle* seperti trak askar, ambulan, bomba dan lain-lain adalah tidak tertakluk kepada peraturan ini dan hendaklah dilaksanakan mengikut tatacara perolehan semasa yang berkuat kuasa.

1.4. Perolehan kereta Rasmi Jawatan dan kereta Jabatan di bawah penswastaaan kereta *saloon* Kerajaan pula hendaklah merujuk kepada peraturan berkaitan penggunaan kenderaan tersebut.

2. Larangan Perolehan Kenderaan Import

- 2.1. Agensi Kerajaan adalah dilarang sama sekali membeli kenderaan yang diimport (*Completely Built Up* - CBU) dan hanya dibenarkan membeli kenderaan buatan tempatan atau yang dipasang dalam negara (*Completely Knocked Down* - CKD).
- 2.2. Sekiranya masih terdapat keperluan khusus untuk agensi membeli kenderaan import, agensi hendaklah terlebih dahulu merujuk dan mendapatkan kelulusan Pegawai Pengawal sebelum perolehan kenderaan yang diimport dilaksanakan.
- 2.3. Sekiranya agensi melaksanakan perolehan kenderaan yang diimport tanpa kebenaran Pegawai Pengawal, pembayaran tidak akan dibuat kepada syarikat pengimport. Pegawai Pengawal hendaklah mengambil tindakan ke atas agensi yang gagal mematuhi prosedur ini dan pegawai yang bertanggungjawab boleh dikenakan tindakan tatatertib/surcaj.

3. Syarat-Syarat Pembelian Kenderaan

- 3.1. Agensi hendaklah memastikan setiap pembelian kenderaan di bawah kategori kenderaan umum seperti di **perenggan 1.1.1**, mematuhi kesemua syarat seperti berikut:
 - 3.1.1. Peruntukan tahunan yang mencukupi dan telah diluluskan di bawah bajet tahunan agensi;
 - 3.1.2. Semua pembelian kenderaan hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan Pegawai Pengawal;
 - 3.1.3. Semua kenderaan hendaklah kenderaan buatan tempatan atau yang dipasang dalam negara (CKD) sahaja;
 - 3.1.4. Pembelian hendaklah dibuat daripada syarikat pembuat/pemasang atau pengedar yang sah yang dilantik oleh syarikat pembuat/pemasang;
 - 3.1.5. Syarikat hendaklah berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang yang berkaitan;
 - 3.1.6. Harga kenderaan hendaklah harga bersih (*net selling price*) tidak termasuk komisen jurujual, cukai jalan dan insurans; dan

- 3.1.7. Harga kenderaan hendaklah termasuk aksesori standard yang ditetapkan oleh syarikat pembuat/pemasang. Bagi pemasangan aksesori tambahan kepada kenderaan tersebut, ia hendaklah dibuat mengikut keperluan dan terlebih dahulu diluluskan oleh Pegawai Pengawal.

4. Jawatankuasa Penilaian

- 4.1. Agensi hendaklah menubuhkan satu Jawatankuasa Penilaian dengan keahlian terdiri daripada tiga (3) orang, iaitu seorang pengerusi dan dua (2) orang ahli. Pengerusi sekurang-kurangnya hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf. Pelantikan hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan.
- 4.2. Tanggungjawab Jawatankuasa Penilaian adalah seperti berikut:
- 4.2.1. Memastikan syarat-syarat yang dinyatakan di perenggan 4.1. di atas dipatuhi;
- 4.2.2. Menilai tawaran dengan mengambil kira faktor-faktor seperti perbandingan harga, tempoh penghantaran, spesifikasi dan lain-lain kriteria yang ditetapkan oleh agensi;
- 4.2.3. Merundingkan harga ke paras terendah yang menguntungkan Kerajaan berpandukan Garis Panduan Rundingan Harga Bagi Rundingan Terus; dan
- 4.2.4. Memperakukan tawaran yang terbaik berdasarkan keperluan agensi untuk kelulusan Pihak Berkuasa Melulus.

5. Pihak Berkuasa Melulus

- 5.1. Perakuan Jawatankuasa Penilaian hendaklah diputuskan oleh Pihak Berkuasa Melulus seperti berikut:

Bil.	Had Nilai Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus
1.	Sehingga RM50,000 setahun bagi setiap jenis kenderaan atau dalam satu pembelian	Pegawai Pengawal/Pegawai Yang Diturunkan Kuasa oleh Pegawai Pengawal

Bil.	Had Nilai Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus
2.	Melebihi RM50,000 sehingga RM500,000 setahun bagi setiap jenis kenderaan atau dalam satu kontrak	Jawatankuasa Sebut Harga Agensi
3.	Melebihi RM500,000 setahun bagi setiap jenis kenderaan atau dalam satu kontrak	Lembaga Perolehan Agensi

6. Perolehan Kenderaan Oleh Kedutaan/Perwakilan Malaysia Di Luar Negara

6.1. Ketua Perwakilan adalah diberi kuasa meluluskan perolehan bagi semua jenis kenderaan untuk kegunaan Kedutaan/Perwakilan Malaysia di luar negara tertakluk kepada peruntukan tahunan yang diluluskan di bawah bajet tahunan adalah mencukupi dan pembelian kenderaan telah mendapat kelulusan Pegawai Pengawal terlebih dahulu.

7. Tanggungjawab Agensi

7.1. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan kajian pasaran dibuat bagi setiap jenis kenderaan dengan merancang dan memastikan perolehan kenderaan tersebut dibuat secara berhemat. Agensi hendaklah melaksanakan langkah berjimat cermat dan melaksanakan perolehan kenderaan berdasarkan keperluan sebenar Agensi. Pemantauan rapi hendaklah dibuat bagi memastikan kesemua syarat di atas dipatuhi sepenuhnya.

7.2. Sehubungan itu, Unit Audit Dalam agensi hendaklah memantau pelaksanaan perolehan kenderaan supaya peraturan ini dipatuhi sepenuhnya.

8. Pengecualian Khusus

8.1. Bon pelaksanaan dan kontrak formal adalah dikecualikan untuk kategori kenderaan umum seperti di [perenggan 1.1.1.](#) di atas. Walau bagaimanapun, bagi kenderaan yang dibekalkan secara berperingkat, agensi hendaklah mensyaratkan bon pelaksanaan dan mengadakan kontrak formal mengikut peraturan semasa yang berkuat kuasa.